

Israel halang Dr. Mahathir masuk ke Baitulmaqdis

UM 16 MAY 2005

RAMALLAH, Tebing Barat 16 Mei — Israel hari ini menghalang bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada masuk ke Baitulmaqdis sewaktu mengadakan lawatan ke Tebing Barat.

Beliau telah dilengahkan selama sejam di pusat menyeberang sempadan Allenby dari Jordan ke Tebing Barat, kata Perdana Menteri Palestin, Ahmed Qorei.

Katanya, para pegawai Israel telah melarang Dr. Mahathir daripada masuk ke Baitulmaqdis atau bandar Jenin di Tebing Barat.

“Saya ingin menegaskan kepada seluruh dunia bahawa inilah pemikiran politik golongan yang menduduki wilayah Palestin,” kata Ahmed dalam satu sidang akhbar yang turut dihadiri oleh Dr. Mahathir di bandar Ramallah di Tebing Barat.

“Dr. Mahathir merupakan seorang tokoh antarabangsa yang penting dan Israel telah menghalang beliau daripada masuk ke Baitulmaqdis. Mereka juga menghalangnya daripada melawat Jenin,” jelasnya sambil meminta maaf di atas apa yang berlaku.

Pihak berkuasa Israel, yang masih menguasai pintu masuk ke bandar-bandar Tebing Barat dan turut mengawal sempadan ke Jordan, berkata mereka tidak menerima pemberitahuan awal tentang ketibaan Dr. Mahathir.

“Kami tidak menerima sebarang permintaan bagi memudahkan lawatan beliau. Kami tidak mengetahui beliau akan melawat rantau ini, jadi kami tiada sebarang persiapan,” kata seorang jurucakap Kementerian Luar Israel.

Beliau menegaskan bahawa Israel tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Bekas Perdana Menteri Malaysia itu menimbulkan kekecohan di Israel sejurus sebelum bersara pada 2003 dengan menyatakan bahawa Yahudi memerintah dunia secara proksi, dengan membiarkan orang lain berperang dan mati untuk mereka.

Dr. Mahathir, yang menyokong perjuangan Palestin sepanjang pemerintahannya selama 22 tahun berkata, beliau melawat Tebing Barat sebagai tanda perpaduan dengan masyarakat Palestin.

“Bukannya mudah untuk datang ke sini dan saya telah dilengahkan untuk tempoh yang lama. Saya tidak dibenarkan melawat Baitulmaqdis. Saya cuba masuk ke Jenin tetapi hasrat saya ditolak.

“Saya berharap dapat mengadakan lawatan ke Baitulmaqdis, ibu negara Palestin,” katanya.

Sumber-sumber di pejabat Ahmed berkata, bekas pemimpin Malaysia itu akan berlepas ke Abu Dis agar dapat melihat kubah emas Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis, yang merupakan tapak ketiga paling suci di Dunia Islam.

Majlis Perbandaran Jenin berkata, Dr. Mahathir telah diundang untuk melawat bandar udara Tebing Barat itu untuk meninjau kemusnahan akibat kebangkitan Palestin sejak lima tahun lalu.

Majlis itu berkata, pihaknya telah meminta Dr. Mahathir supaya mengetuai satu kempen antarabangsa bagi membina semula bandar mundur itu. — AFP